

SEJARAH DAN CABARAN PENGAMALAN TAREKAT TASAWUF DI MALAYSIA

Prof. Madya Dr. Faudzinaim Badaruddin (UKM)

PENDAHULUAN

- Islam mempunyai tiga rukun agama sebagai paksi tertegaknya *al-din* dalam diri seorang Muslim iaitu iman, islam dan ihsan.
- Akidah adalah unsur keyakinan terhadap enam rukun iman dan tiang utama kepada Islam dan ihsan. Islam pula adalah elemen amalan yang meliputi lima rukun Islam. Ihsan pula adalah unsur natijah dari akidah atau keyakinan dan Islam atau amalan.
- Tiga rukun agama atau syariat Islam melahirkan tiga ilmu yang berbeza tetapi saling lengkap melengkapi dan diperlukan oleh setiap Muslim iaitu ilmu akidah, ilmu fekah dan ilmu tasawuf.
- Kepincangan dalam penghayatan tiga rukun agama ini akan memberi kesan besar terhadap kesempurnaan keislaman seorang Muslim itu.

ILMU TASAWUF

- Shaykh Amin al-Kurdi:
 - Ilmu yang dengannya dapat diketahui keadaan aspek ruhaniyah manusia (al-nafs) baik atau buruknya, bagaimana cara untuk membersihkannya daripada keburukan atau kejahatan itu dan menghiaskannya dengan sifat-sifat yang terpuji, bagaimana jalan dan perjalanannya untuk pergi menuju kepada Allah. (*Tanwir al-Qulub*)
- Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansari:
 - Ilmu Yang Mengajar Cara Untuk Meyucikan Diri, Meningkatkan Akhlak, Membangunkan Kehidupan Jasmani Dan Rohani Dengan Tujuan Mencapai Kebahagiaan Abadi
- Shaykh Abu al-Hasan al-Shadhili:
 - Melatih hawa nafsu ke arah pengabdian kepada Allah dan menundukkan nafsu di bawah hukum hakam-Nya.

SEJARAH PERKEMBANGAN TASAWUF DALAM ISLAM

- Tasawuf telah wujud pada zaman Rasulullah SAW dan para Sahabat RAH di kurun pertama Hijrah (7M).
- Diwarnai dengan kehidupan zuhud yang berciri berikut:
 - Mendahulukan akhirat daripada dunia
 - Mencintai Allah s.w.t sahaja dan apa yang dicintai oleh Allah.
 - Dunia sebagai alat, bukan matlamat.
- Ringkasnya:
 - Zuhud di dalam Islam adalah berasaskan kepada hati kerana segala ciri di atas adalah berpusatkan hati.

PERKEMBANGAN ILMU TASAWUF SELEPAS ABAD PERTAMA

- Abad kedua Hijrah (8M)
 - penggunaan kalimah al-sufi dan al-mutasawwifah
- Abad ketiga (9)
 - kemunculan ilmu tasawuf sebagai ilmu khusus dan ulama khusus dalam ilmu tasawuf
- Abad keempat (10M)
 - Perselisihan antara ulama zahir dan ulama batin
 - tariqah muncul tapi belum sistematik penyusunannya
- Abad kelima (11M)
 - Perselisihan reda dengan kemunculan Hujjat al-Islam al-Imam al-Ghazzali.
 - Institusi tarekat yang sistematik
- Abad keenam (12M dan seterusnya)
 - Perkembangan melalui institusi tarekat
 - Pendedahan pengalaman *ma`rifah dhawqiyyah* secara terbuka –
 - Sarjana moden mengistilahkan sebagai tasawuf falsafi
 - Perdebatan isu tasawuf berterusan

INSTITUSI TAREKAT ABAD KE13-18

- Pada abad 13M, institusi tarekat telahpun berkembang dengan pesat di Benua Asia iaitu Asia Barat, Asia Tengah dan Asia Selatan.
- Antara tarekat-tarekat yang telah berkembang di tiga kawasan tersebut ialah

| al-Qadiriyyah | Yasawiyyah |
|-------------------|-----------------|
| al-Suhrawardiyyah | al-Chistiyyah |
| al-Rifa`iyyah | al-Shadhiliyyah |
| al-Kubrawiyyah | al-Mawlawiyyah |
| al-Akbariyyah | al-Badawiyyah |

Perkembangan pergerakan tarekat semakin pesat hingga abad ke 18M dengan

| al-Naqshabandiyyah | al-Khalwatiyyah |
|--------------------|-----------------|
| al-Shattariyyah | al-Sammaniyyah. |

PERKEMBANGAN TASAWUF DAN TAREKAT DI NUSANTARA

- Tarikh masuk tasawuf di Malaysia tidak diketahui dengan tepat
 - Kedudukannya seperti isu tempoh masa Islam mula diperkenalkan di Nusantara (7M/11M/13M)
 - Hubungan dengan Timur Tengah telah wujud sejak abad ke 2M
- Ilmu tasawuf telah berkembang di Kepulauan Indonesia semenjak abad Ke 15 M melalui kisah-kisah wali songo di Tanah Jawa

| | |
|---|---|
| Sunan Maulana Malik Ibrahim atau Sunan Gresik (w.1419) | Sunan Kudua/Syekh Ja'far Shadiq |
| Sunan Ampel (lahir tahun 1401), | Sunan Darajat/Raden Qasim, |
| Sunan Giri / Raden Paku), | Sunan Kali Jaga/Raden Mas Syahid |
| Sunan Gunung Jati/Syarif Hidayatullah atau Fatahillah (w. 1570) | Sunan Bonang/Raden Ibrahim (1449-1525). |
| Sunan Muria atau Raden Said | |

KEMASUKAN TAREKAT DI NUSANTARA

- Pada ke 16-18M- terdapat beberapa buah tarekat telah dibawa masuk ke Nusantara / Aceh:
 - Dari Asia Barat
 - Dari India tetapi melalui al-Haramayn
- Dibawa masuk oleh para murid/pelajar agama

| Tarekat | Pengasas | Pembawa |
|---|--|--------------------------------|
| Al-Qadiriyyah | Shaykh `Abd al-Qadir al-Jilani | Syeikh Hamzah Fansuri |
| Al-Qadiriyyah / al-Naqshabadiyyah / al-Chistiyyah | Shaykh `Abd al-Qadir al-Jilani / Shaykh Baha' al-Din al-Naqshabandiy / Shaykh Mu`in al-Din al-Chisti | Syeikh Shamsuddin al-Sumatra'i |
| Al-Shattariyyah | Shaykh Abd al-Shattar | Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri |
| Al-Rifa`iyyah | Shaykh Ahmad al-Rifa`i | Syeikh Nuruddin al-Raniri |

SEJARAH PERKEMBANGAN TASAWUF DI MALAYSIA / SEMENANJUNG TANAH MELAYU

- Penghayatan ilmu tasawuf di Malaysia
 - Pada abad ke 15M, perbahasan mengenai isu tasawuf telah muncul di Melaka
- Bagaimanapun pengamalan tarekat tidak ditemui data
 - berbentuk tarekat telah ada pada abad ke 17M
 - Shaykh Abdul Malik Abdullah/Tok Pulau Manis (1650/1678-1736) –Tarekat Shattariyyah
- Pada peringkat awal – penyebaran tarekat terfokus kepada
 - Shattariyyah – Shaykh Daud al-Fatani
 - Naqshabandiyyah - Shaykh Abdul Rahman b. Muhammad al-Idris/Tok Ku Paloh (1818-1918)

SEJARAH AWAL TAREKAT-TAREKAT DI MALAYSIA

- Kumpulan tarekat yang wujud sehingga 1963 (al-Attas)

| | |
|----------------|------------|
| Qadiriyyah | Ahmadiyyah |
| Shattariyyah | Chistiyyah |
| Rifa`iyyah | Tijaniyyah |
| Shadhiliyyah | Alawiyyah |
| Naqshabadiyyah | |

- Bagaimanapun terdapat juga tarekat lain yang wujud ketika itu:
 - Tarekat Sammaniyyah (Tuan Guru Muhammad Samman Kati -1922-1995)
- Namun yang terkenal, berkembang dan ramai pengikut ialah
 - Ahmadiyyah, Qadiriyyah dan Naqshabandiyyah

PERKEMBANGAN AMALAN TAREKAT DI MALAYSIA MASA KINI

- Kumpulan tarekat-tarekat yang lama masih diteruskan dan munculnya cabang-cabang baru yang dimasuk masuk dari luar

| | |
|-----------------------------|-----------------|
| Ahmadiyyah | Tijaniyyah |
| Naqshabandiyyah Khalidiyyah | Chistiyyah |
| Naqshabadiyyah & Qadiriyyah | Al-Shadhiliyyah |
| Shattariyyah | Al-Sammaniyyah |

Terdapat juga tarekat baru dibawa masuk

| | | |
|--------------------------------|-----|---------------|
| al-Dusuqiyyah Muhammadiyyah | al- | Al-Rifa`iyyah |
|--------------------------------|-----|---------------|

CABARAN PENGAMALAN TASAWUF DAN TAREKAT DI MALAYSIA

- CABARAN DALAM – dari kalangan pengikut
 - Kurang memahami tujuan bertarekat
 - Tidak mahu menuntut ilmu
 - `ujub dan riya`
 - Duniawi
 - Pengaruh perkara kasyaf
 - Tidak menjaga adab
- CABARAN LUARAN
 - Ajaran salah
 - Kekeliruan dalam masyarakat terhadap ilmu tasawuf dan tarekat

KESIMPULAN

- Aspek ilmu, yakni tasawuf dan aspek amali, yakni tarekat sebenarnya sinonim dengan ajaran Islam.
- Tidak diketahui secara tepat kemasukan dua ilmu di Malaysia.
- Penghayatan dua aspek ilmu dan amali telah sehati bagi golongan ulama Melayu
- Kesedaran mengenai kedudukan dua aspek ini adalah penting dalam penghayatan Islam secara individu dan masyarakat.
- Masyarakat Islam perlu membezakan tarekat tasawuf yang benar dan yang salah.